



27 Disember 2021
27 December 2021
P.U. (A) 478

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECCUALIAN) (NO. 12) 2021

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 12) ORDER 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECHUALIAN) (NO. 12) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 12) 2021**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2020 hingga tahun taksiran 2025.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“aktiviti kesenian atau kebudayaan” ertinya suatu pertunjukan pentas yang diluluskan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan dianjurkan dengan penyertaan rakyat asing yang telah mempersembahkan sekurang-kurangnya tiga persembahan di mana-mana negara selain negaranya sendiri;

“penganjur” ertinya suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*], atau suatu persatuan atau organisasi yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 335*];

“pertandingan sukan atau rekreasi bertaraf antarabangsa” ertinya apa-apa acara sukan atau aktiviti rekreasi yang diluluskan oleh Kementerian Belia dan Sukan dan dianjurkan dalam apa-apa bentuk dengan penyertaan rakyat asing dari beberapa negara.

Pengecualian

3. (1) Menteri mengecualikan penganjur bagi apa-apa aktiviti kesenian atau kebudayaan atau pertandingan sukan atau rekreasi bertaraf antarabangsa daripada pembayaran cukai pendapatan atas lima puluh peratus daripada pendapatan berkanun yang diperoleh daripada penganjuran aktiviti sedemikian.

(2) Pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan (1) hendaklah hanya terpakai jika—

- (a) aktiviti kesenian atau kebudayaan itu diadakan di Malaysia di Istana Budaya, Balai Seni Visual Negara atau Dewan Filharmonik Petronas; atau
- (b) pertandingan sukan atau rekreasi bertaraf antarabangsa itu diadakan di Malaysia.

(3) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) ini boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan penganjur itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain di bawah Akta.

Akaun berasingan

4. Penganjur hendaklah menyenggara suatu akaun berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada penganjuran apa-apa aktiviti kesenian atau kebudayaan atau pertandingan sukan atau rekreasi bertaraf antarabangsa di Malaysia.

Pemakaian perenggan 5 dan 6 Jadual 7A kepada Akta

5. Perenggan 5 dan 6 Jadual 7A kepada Akta hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi amaun pendapatan berkanun yang dikecualikan di bawah subperenggan 3(1).